

23 JUL 2001

Mahathir-Nilai

SEMAI NILAI MULIA SEJAK KECIL, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata anak-anak perlu disemai dengan nilai hidup mulia sejak awal bagi membolehkan mereka menjadi warganegara bertanggungjawab dan tidak terlibat dalam kegiatan jenayah dan keganasan.

Perdana Menteri berkata perkembangan dunia hari ini menyebabkan ramai wanita memasuki bidang pekerjaan seperti lelaki dan ini ialah antara faktor kurangnya tumpuan diberikan kepada mendidik dan menjaga anak-anak di rumah.

"Sekarang ramai yang kerja dan tidak ada masa yang cukup. Jadi mereka perlu tentukan apa jua masa yang ada ditumpukan kepada pendidikan anak-anak dan disemai dengan nilai mulia. Hanya bila semai nilai-nilai mulia, mereka sendiri akan menolak perkara tidak baik," katanya ketika melancarkan kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (Ombak) anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Dr Mahathir berkata pengubalan dan pelaksanaan undang-undang semata-mata tidak akan berkesan dalam mengawal tingkah laku anggota masyarakat memandangkan setiap manusia perlu mempunyai kesedaran dalam dirinya sendiri untuk mengawal diri masing-masing.

"Undang-undang boleh kita gubal dan laksana. Tetapi tidak ada undang-undang atau polis yang cukup berkesan untuk hapuskan keganasan dengan cara mengawasi gerak-geri seseorang setiap masa," katanya.

Dr Mahathir berkata apabila rakyat Malaysia berpegang kepada budaya menolak keganasan, dengan sendirinya keganasan tidak akan bertapak di negara ini.

Katanya kini golongan pelajar termasuk pelajar universiti terlibat dalam keganasan dan melakukan perkara tidak bertanggungjawab yang lain kerana mereka begitu bebas sekarang.

"Mereka melanggar undang-undang dan membuat perkara keji kerana tidak dididik dan disemai dengan nilai hidup yang betul sejak kecil lagi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa peranan wanita akan meningkat di negara ini kerana mereka kini lebih banyak mendapat pendidikan di institusi pengajian tinggi berbanding lelaki.

Perdana Menteri berkata jumlah wanita di negara ini yang berpendidikan dan mempunyai kecekapan turut meningkat.

"Oleh kerana pada waktu ini nampaknya kaum wanita lebih cergas, kita perlu beri tempat yang sewajarnya. Ini bermakna peranan kaum wanita di masa depan akan meningkat," katanya.

Mengenai kempen Ombak itu, Dr Mahathir berkata beliau berharap ianya akan membantu mengurangkan kes keganasan di negara ini.

"Ini akan ambil masa tapi harus sabar dan terus berkempen sepanjang masa. Itulah harapan kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

RV RV MAI